



## PROMOSI HARI RAYA BANCATAKAFUL DEPOSIT TETAP-i HONG LEONG 2025

(Kemas kini terakhir pada 13 Februari 2025)

### TEMPOH PROMOSI

Promosi Hari Raya BancaTakaful Deposit Tetap-i Hong Leong 2025 ("Promosi") Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) ("HLISB" atau "Bank") bermula pada **1 Mac 2025** dan berakhir pada **30 April 2025**, termasuk kedua-dua tarikh ("Tempoh Promosi"), melainkan dimaklumkan sebaliknya.

### TERMA DAN SYARAT

Berikut adalah terma dan syarat ("T&S") yang berkenaan dengan Promosi ini.

### KELAYAKAN

1. Promosi ini dibuka kepada semua pelanggan individu HLISB dan Hong Leong Bank Berhad 193401000023 (97141-X) ("HLB") yang memenuhi syarat-syarat berikut:
  - (a) Pelanggan yang telah berjaya memohon mana-mana Produk BancaTakaful Caruman Tetap Hong Leong seperti yang tertera di dalam Jadual 1 ("BancaTakaful") yang ditaja jamin oleh Pengendali Takaful, Hong Leong MSIG Takaful ("HLMT") semasa Tempoh Promosi ("Permohonan").
  - (b) Permohonan untuk BancaTakaful telah diluluskan oleh HLMT dan sijil BancaTakaful mestilah telah berkuat kuasa.
  - (c) Pelanggan telah membayar caruman untuk sijil BancaTakaful secara tahunan dengan caruman tahun pertama dibayar semasa Tempoh Promosi ("Caruman Tahunan"). Caruman Tahunan minimum Promosi ini dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah.

Pelanggan yang telah memenuhi **SEMUA** syarat-syarat di atas dirujuk sebagai "**Pelanggan Layak**".

2. Pelanggan yang telah melakukan dan/atau disyaki melakukan sebarang tindakan penipuan atau kesalahan yang berkaitan dengan BancaTakaful dan/atau sebarang kemudahan yang disediakan oleh HLISB/HLB atau telah diisyiharkan muflis (menurut petisyen sama ada oleh HLISB/HLB, institusi kewangan lain atau mana-mana pihak ketiga) atau tertakluk pada sebarang prosiding kemuflisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi adalah **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Promosi ini.

**(A) KAEDAH PROMOSI**

3. Tertakluk pada T&S di sini, mana-mana Pelanggan Layak yang membuat peletakan Deposit Tetap-i (“FD-i”) antara Ringgit Malaysia Seribu (RM1,000) sehingga amaun maksimum bersamaan dengan Caruman Tahunan Pelanggan Layak atau Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2,000,000) dalam nisbah satu-ke-satu, yang mana lebih rendah (“**Amaun Peletakan**”), ke dalam Akaun Fixed Deposit-i HLISB (“**Akaun FD-i**”) yang baharu atau sedia ada, berhak menikmati kadar keuntungan promosi FD-i untuk tempoh sama ada satu (1), tiga (3) atau dua belas (12) bulan (“**Kadar Promosi FD-i**”) seperti dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah.
4. Pelanggan Layak yang menyertai produk BancaTakaful seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah mesti membuat caruman tahunan minimum berjumlah Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) pada tahun pertama untuk menikmati Kadar Promosi FD-i, tertakluk kepada T&S di sini.

**Jadual 1**

<b>Produk Caruman Tetap BancaTakaful</b>	<b>Caruman Tahunan Minimum</b>	<b>Amaun Peletakan FD-i</b>	<b>Kadar Promosi FD-i dan Tempoh</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• HLM Takaful Amanah Saver</li> <li>• HLM Takaful Secure 3</li> <li>• HLM Takaful Secure 3 Plus</li> <li>• HLM Takaful Legacy</li> <li>• HLM Takaful Legacy Plus</li> </ul>	RM10,000	<p>Nisbah 1:1 berdasarkan amaun caruman tahunan.</p> <p>Minimum: RM1,000 Maksimum: RM2,000,000 atau amaun maksimum bersamaan dengan Caruman Tahunan</p>	<p><b>1 bulan</b> pada kadar <b>10.00% setahun.*</b></p> <p><b>3 bulan</b> pada kadar <b>8.08% setahun.*</b> atau <b>12 bulan</b> pada kadar <b>5.03% setahun.*</b></p>

\*Kadar Promosi FD-i akan ditamatkan serta-merta sekiranya terdapat sebarang pengurangan Kadar Dasar Semalam (OPR).

5. Bagi tujuan menentukan amaun kelayakan peletakan FD-i di bawah Promosi ini, hanya 10% daripada amaun Tambah Nilai Caruman Tetap (RTU) akan diiktiraf dan diambil kira dalam pengiraan Caruman Tahunan.
6. Kadar Promosi FD-i adalah berdasarkan siapa cepat dia dapat dan terhad kepada jumlah saiz dana FD-i sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh Juta (RM10,000,000) (“**Jumlah Saiz Dana**”). Sebaik sahaja had Jumlah Saiz Dana dicapai, Kadar Promosi FD-i tidak lagi tersedia dan kadar FD-i semasa akan dikenakan untuk mana-mana peletakan selanjutnya.
7. Pelanggan Layak hanya boleh membuat peletakan FD-i selepas tamat tempoh bertenang lima belas (15) hari, iaitu sebaik sahaja sijil BancaTakaful berkuat kuasa. HLISB akan mengeluarkan surat notifikasi (“**Surat Notifikasi**”) kepada ejen jualan BancaTakaful (“**Ejen Jualan**”) melalui e-mel. Ejen Jualan akan memaklumkan Pelanggan Layak untuk peletakan FD-i. Pelanggan Layak dikehendaki mengemukakan Surat Notifikasi tersebut kepada mana-mana cawangan HLISB/HLB sebagai bukti kelayakan untuk menikmati Kadar FD-i Promosi dan menyertai Promosi ini. Sekiranya Pelanggan Layak tidak menerima Surat Notifikasi daripada Ejen Jualan dalam tempoh 30 hari, HLISB tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pelanggan Layak tidak menerima Surat Notifikasi tersebut.
8. Untuk mengelakkan keraguan, cawangan HLISB/HLB akan berpandukan terma dan syarat yang

dinyatakan dalam Surat Notifikasi untuk memastikan kelayakan Pelanggan Layak untuk membuat peletakan FD-i dengan Kadar Promosi FD-i. Pelanggan Layak hendaklah membuat peletakan FD-i dalam tempoh yang ditetapkan dalam Surat Notifikasi tersebut untuk menikmati Kadar Promosi FD-i.

9. Pelanggan Baharu dikehendaki membuka Akaun FD-i baharu dengan HLISB semasa Tempoh Promosi untuk menyertai Promosi ini.
10. Sekiranya produk BancaTakaful dibatalkan oleh mana-mana pihak pada bila-bila masa dalam tempoh peletakan FD-i, Pelanggan Layak tidak layak untuk menikmati Kadar Promosi FD-i.
11. Pelanggan Layak dikehendaki menyatakan Akaun Semasa-i/Simpanan-i HLISB di atas nama Pelanggan Layak (“**CASA-i Ditetapkan**”) untuk tujuan mengkreditkan keuntungan yang diperolehi apabila tempoh FD-i matang. Keuntungan tersebut tidak akan ditambah kepada amaun prinsipal FD-i.
12. Sekiranya FD-i dikeluarkan sebelum tempoh matang FD-i, sama ada keseluruhan atau sebahagian, tiada keuntungan akan dibayar ke atas amaun yang dikeluarkan sebahagiannya dan pengeluaran pramatang FD-i, tanpa mengira jumlah bulan yang telah lengkap semasa membuat pengeluaran. Untuk mengelakkan keraguan, keuntungan akan dikira berdasarkan baki amaun prinsipal selepas pengeluaran tersebut.
13. Tertakluk pada Klausus 12 di sini, pengeluaran sebahagian daripada FD-i dibenarkan dalam gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)**. Walau bagaimanapun, sekiranya amaun FD-i kurang daripada **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)**, tiada pengeluaran sebahagian dibenarkan untuk akaun tersebut dan sebarang pengeluaran sedemikian akan dianggap sebagai pengeluaran pramatang bagi keseluruhan amaun peletakan FD-i.
14. Apabila matang, amaun prinsipal FD-i akan diperbaharui secara automatik pada kadar semasa FD-i dan keuntungan yang diperoleh akan dikreditkan ke dalam CASA-i Ditetapkan Pelanggan Layak.
15. Pihak Bank berhak untuk menolak dan mendebit amaun yang sama dengan keuntungan yang telah dibayar pada Pelanggan Layak berkenaan dengan Amaun Peletakan yang dikeluarkan pramatang dari Akaun FD-i.
16. Sekiranya Pelanggan Layak didapati tidak memenuhi mana-mana T&S Promosi ini, HLISB berhak untuk menarik balik dan menolak keuntungan tambahan yang diperoleh daripada Kadar Promosi FD-i yang dikreditkan sebelum ini daripada CASA-i Ditetapkan Pelanggan Layak. Dalam keadaan sedemikian, HLISB akan memaklumkan Pelanggan Layak dengan mengeluarkan notis bertulis dua puluh satu (21) hari sebelum sebarang penarikan balik dan penolakan perbezaan keuntungan Promosi FD-i dari CASA-i Ditetapkan Pelanggan Layak.

**(B) Promosi Set Hadiah**

17. Sebagai tambahan pada Promosi FD-i di atas, Pelanggan Layak yang melanggan produk BancaTakaful berikut dengan caruman tahunan sekurang-kurangnya jumlah yang ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah semasa Tempoh Promosi juga layak mendapat Set Hadiah ("Set Hadiah").

**Jadual 2**

Produk BancaTakaful	Caruman Tetap	Caruman Tahunan	Set Hadiah
<ul style="list-style-type: none"> <li>• HLM Takaful Amanah Saver</li> <li>• HLM Takaful Secure 3</li> <li>• HLM Takaful Secure 3 Plus</li> <li>• HLM Takaful Legacy</li> <li>• HLM Takaful Legacy Plus</li> </ul>	RM35,000 – RM99,999	<b>Bekas Air La Gourmet</b> Terhad kepada 85 Pelanggan Layak pertama sahaja	
			<b>Mesin Kopi Mini Nespresso Essenza</b> Terhad kepada 20 Pelanggan Layak pertama sahaja
	RM250,000 dan ke atas		<b>Vakum Dyson V8</b> Terhad kepada 3 Pelanggan Layak pertama sahaja

18. Untuk mengelakkan keraguan, Set Hadiah hanya sah berdasarkan siapa cepat dia dapat dan terhad kepada jumlah seratus lapan (108) Pelanggan Layak yang memenuhi syarat dalam Jadual 2 di atas.
19. Setiap Pelanggan Layak akan menerima maksimum satu (1) Set Hadiah, tanpa mengira bilangan sijil Produk BancaTakaful yang mereka miliki.
20. HLISB berhak untuk menggantikan Set Hadiah dengan mana-mana item lain yang mempunyai nilai yang sama mengikut budi bicaranya.
21. Semua permohonan untuk produk BancaTakaful adalah tertakluk pada kelulusan HLMT dan terma dan syarat yang dikeluarkan oleh HLMT mengikut budi bicara HLMT.
22. Pelanggan Layak bertanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang dikenakan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang yang berkenaan, jika ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam promosi.

**PEMENUHAN SET HADIAH**

23. Hanya Pelanggan Layak akan dihubungi oleh wakil daripada pihak Bank. Untuk mengelakkan keraguan, pihak Bank tidak memberikan sebarang representasi atau jaminan berkaitan dengan kualiti atau kesesuaian Set Hadiah; sama ada disebabkan oleh kecacatan bahan atau mutu kerja oleh pengilang di bawah jaminan atau sebaliknya.
24. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, pihak Bank tidak bertanggungjawab ke atas sebarang liabiliti yang timbul akibat penangguhan atau kelewatan dalam menyediakan Set Hadiah disebabkan oleh sebarang keadaan yang tidak dijangka di luar kawalan munasabah pihak Bank.
25. Set Hadiah akan disediakan secara "As is Where Is". Set Hadiah yang dipaparkan dalam semua bahan bercetak dan/atau laman sesawang pihak Bank adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Sebarang alat peraga, aksesori atau peralatan yang dipaparkan bersama Set Hadiah dalam bahan bergambar adalah



untuk tujuan hiasan dan tidak akan menjadi sebahagian daripada Set Hadiah.

26. Pihak Bank tidak memberikan sebarang representasi berkaitan kualiti atau kesesuaian Set Hadiah (termasuk tetapi tidak terhad kepada nilai, kesahihan dan/atau penggunaan Set Hadiah) dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang Set Hadiah yang hilang, dicuri atau rosak. Pelanggan Layak hendaklah berurusan secara langsung dengan pengilang untuk sebarang pertanyaan, pertikaian, maklumat jaminan atau tuntutan berkaitan Set Hadiah tanpa melibatkan pihak Bank. Semua risiko, kehilangan, kerosakan dan/atau kecederaan yang berkaitan dengan penggunaan Set Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pelanggan Layak.

## UMUM

27. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan Layak bersetuju:

- (a) telah membaca, memahami, menerima dan untuk terikat dengan T&S ini dan Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat Akaun Deposit Tetap-i (secara kolektif disebut sebagai "**Terma dan Syarat Berkenaan**") dan mana-mana terma dan syarat lain yang berkaitan yang mungkin dikenakan oleh HLISB dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal kepada Pelanggan Layak dan dengan menyiarkan di laman sesawang HLISB di [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) ("**Laman Sesawang HLISB**");
- (b) bahawa semua rekod pemenuhan keperluan yang direkodkan oleh sistem Bank semasa Tempoh Promosi dan pemilihan untuk Pelanggan Layak adalah muktamad dan konklusif;
- (c) bahawa keputusan pihak Bank atas semua hal berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad, konklusif dan terikat ke atas semua Pelanggan Layak;
- (d) bahawa keuntungan dan Set Hadiah yang diperoleh tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit pendahuluan, cek atau manfaat seumpamanya;
- (e) bahawa Pelanggan Layak bertanggungjawab memberikan butiran hubungan yang sah dan terkini termasuk nombor telefon kepada HLISB/HLB dan segera memberitahu HLISB/HLB sekiranya berlaku sebarang perubahan. HLISB/HLB tidak akan bertanggungjawab sekiranya tidak dapat menghubungi Pelangan Layak kerana nombor telefon yang diberi oleh Pelanggan Layak tidak tepat/tidak sah; dan
- (f) untuk mengakses Laman Sesawang HLISB pada selang waktu yang kerap untuk melihat T&S Promosi dan untuk memastikan mereka sentiasa mengikuti sebarang perubahan atau variasi kepada T&S.

28. Pihak Bank berhak untuk:

- (a) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda kesuluruan atau sebahagian T&S terkandung di dalam ini dan/atau butiran produk, mengikut budi bicara HLISB dengan cara menyiarkan di Laman Sesawang HLISB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLISB/HLB dengan memberi notis awal kepada Pelanggan Layak mengenai penambahan, pengguguran atau pindaan tersebut;
- (b) membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak untuk menyertai Promosi ini mengikut budi bicara HLISB;
- (c) membatalkan dan/atau menarik balik keuntungan yang diperoleh sekiranya Pelanggan Layak tidak mematuhi T&S promosi ini dan/atau Terma dan Syarat berkenaan; dan
- (d) menarik balik keuntungan yang diperoleh sekiranya terdapat sebarang penipuan yang dikesan dan pelanggaran terhadap Terma dan Syarat yang Berkenaan.

29. T&S ini dan Terma dan Syarat Berkenaan hendaklah dibaca bersama sebagai satu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, maka T&S ini akan diguna pakai setakat percanggahan tersebut.



30. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S ini dengan mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau berhubung dengan Promosi ini, maka T&S di Laman Sesawang HLISB akan diguna pakai.
31. T&S ini tertakluk pada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa mahkamah-mahkamah Malaysia secara eksklusif.
32. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

### PENAFIAN TAKAFUL

Dokumen ini tidak bermaksud sebagai jemputan atau tawaran untuk melanggan Takaful mahupun permintaan oleh HLISB untuk caruman Takaful kepada sesiapa sahaja. Pelanggan adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami isi kandungan risalah/sijil Takaful produk sebelum bersetuju untuk melanggan.

### NOTA PENTING:

Pelan di atas diunderit oleh Hong Leong MSIG Takaful Berhad (HLMT). HLMT ialah Pengendali Takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Perlindungan oleh PIDM ke atas manfaat yang perlu dibayar daripada bahagian unit produk ini adalah tertakluk kepada pengehadan. Sila rujuk Risalah TIPS PIDM atau hubungi Hong Leong MSIG Takaful Berhad atau PIDM (lawati [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Ahli PIDM, FD-i dan CASA-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit. (rujuk [Produk Layak untuk Perlindungan PIDM](#)).

FD-i dan CASA-i adalah akaun deposit berdasarkan kontrak syariah Tawarruq.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan dengan T&S, anda boleh meminta penjelasan daripada kakitangan kami yang melayani anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kami di [hlonline@HLB.hongleong.com.my](mailto:hlonline@HLB.hongleong.com.my) atau telefon di talian 03-7626 8899.